



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 18 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI PERLUAS KURSUS PEMASARAN ONLINE KEPADA AGROPRENEUR, SH -ONLINE MAFI PERLUAS KURSUS PEMASARAN DALAM TALIAN KEPADA AGROPRENEUR MUDA SELURUH NEGARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE PLATFORM ALAM MAYA PELUANG USAHAWAN MUDA MAJUKAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE YOUNG AGROPRENEUR ONLINE PROGRAMME TO BE CONDUCTED NATIONWIDE - MAFI, BERNAMA -ONLINE SABAH FIRST TO HOLD YOUNG AGROPRENEUR ONLINE COURSE, BORNEO POST (KK) -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9. 10.	NELAYAN ASING SERANG MARITIM MATI DITEMBAK, NASIONAL, BH -20 BALING BOM PETROL, LOKAL, HM -6 18 DITAHAN, SEORANG MAUT DITEMBAK, DALAM NEGERI, UM -11 BOT NELAYAN VIETNAM REMPUH BOT APMM, NASIONAL, SH -7 COASTGUARD SHOTS DEAD VIETNAMESE FISHERMEN, NATION/NEWS, NST -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12.	PEMUSNAHAN BABI HAPUSKAN VIRUS NIPAH, DALAM NEGERI, UM -29 PINDAH HAIWAN GUNA TRELER, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13. 14. 15.	USAHAWAN KOPI TOKKIKITER BERHASRAT WUJUDKAN PUSAT SEHENTI KOPI, UTUSAN SARAWAK -ONLINE JPM FAMA THE STORY BEHIND TOKKIKITER, BERNAMA NEWS CHANNEL -ONLINE WHAT'S THE STORY BEHIND TOKKIKITER, NEW SABAH TIMES -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16. 17.	500KG DAUN LIMAU PURUT JERING THAILAND DIRAMPAS, SINAR NEGERI P.PINANG, SH -25 MAQIS RAMPAS 500KG DAUN LIMAU PURUT DARI THAILAND, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
18. 19. 20.	23 PETANI HILANG PUNCA REZEKI, NEGARA, KOSMO -16 JANGAN HALAU KAMI! - PENEROKA, DALAM NEGERI, UM -9 LADA SOLOK BONYAMIN LARIS, NEGARA, KOSMO -17	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



17 AUG, 2020

MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluaskan penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara bagi membantu golongan berkenaan memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawati berkata, seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus itu semalam.

“Penjualan dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang

tengah dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik.

“Justeru, kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dan memanfaatkannya untuk perniagaan,” katanya pada majlis perasmian Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di Kota Kinabalu, Sabah semalam.



CHE ABDULLAH

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

“Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan usahawan yang cukup menggalakkan,” katanya. - *Bernama*



17 AUG, 2020

MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur

[Sinar Harian, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluaskan penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara bagi membantu golongan berkenaan memasarkan produk pertanian dan agro makanan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus itu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur



Che Abdullah

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluaskan penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara bagi membantu golongan berkenaan memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus itu semalam.

"Penjualan dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah

dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik.

"Justeru, kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dan memanfaatkannya untuk perniagaan," katanya pada majlis perasmian Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di Kota Kinabalu, Sabah semalam.

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan usahawan yang cukup menggalakkan," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI perluas kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda seluruh negara



KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluas penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara, bagi membantu golongan itu memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus berkenaan, hari ini.

"Penjualan melalui dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah, dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik untuk memasarkan produk secara terus kepada pengguna.

"Justeru, kementerian melalui FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dengan lebih baik dan memanfaatkannya untuk perniagaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di sini, hari ini.

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan para usahawan yang cukup menggalakkan," katanya yang berharap usahawan tani muda di Sabah memanfaatkan platform itu. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	MALAYSIA AKTIF	ONLINE	

MAFI Perluas Kursus Pemasaran Dalam Talian kepada Agropreneur Muda Seluruh Negara



PUTRAJAYA, 16 Ogos (Malaysiaaktif) - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluas penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara, bagi membantu golongan itu memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus berkenaan, hari ini.

"Penjualan melalui dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah, dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik untuk memasarkan produk secara terus kepada pengguna.

"Justeru, kementerian melalui FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dengan lebih baik dan memanfaatkannya untuk perniagaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah hari ini.

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan para usahawan yang cukup menggalakkan," katanya yang berharap usahawan tani muda di Sabah memanfaatkan platform itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Platform alam maya peluang usahawan muda majukan perniagaan atas talian



USAHAWAN: Che Abdullah (dua kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta yang menyertai kursus pemasaran itu.

KOTA KINABALU: Usahawan muda khususnya yang terlibat dengan perusahaan agro di negeri ini disaran mempergunakan capaian internet dengan sebaiknya dalam membantu memajukan perniagaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ramai dalam kalangan golongan muda lebih faham dan mudah menggunakan platform alam maya.

Sehubungan itu katanya, usahawan yang terlibat dengan pemasaran secara atas talian (online) perlu benar-benar faham

manfaat yang boleh diperolehi menerusi penggunaan internet.

"Apabila COVID-19 mula merebak, medium penjualan secara atas talian dilihat semakin meningkat dan meluas.

"Usahawan yang berjaya mengambil kesempatan mempergunakan medium ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pemasaran.

"Malah, mereka juga dapat meningkatkan hasil jualan menerusi platform atas talian dengan lebih meluas tanpa penglibatan orang tengah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kursus Pemasaran 'Online' Agropreneur Muda di sini semalam.

Dalam pada itu, pihaknya menganjurkan kursus berkenaan kepada 50 peserta yang membabitkan usahawan muda tempatan bagi mendalami ilmu pemasaran secara atas talian.

Menurutnya, MAFI menerusi FAMA mempunyai platform sedia ada di bawah Agro Bazar Online bagi membantu golongan usahawan terlibat aktif dengan perniagaan atas talian.

"Hasilnya, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, kita dapat lihat sambutan luar biasa penyertaan peniaga dalam aktiviti penjualan atas talian.

"Sepanjang tempoh itu, lebih RM200,000 hasil jualan produk pertanian dapat dipasarkan.

"Justeru, kita mahu momentum seperti ini dapat dikekalkan untuk membantu lebih ramai usahawan khususnya di negeri ini," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kursus berkenaan bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran kepada agropreneur muda berhubung kepentingan dan kelebihan pemasaran secara atas talian.

Beliau berharap, dengan ilmu yang diperolehi melalui kursus ini, para peserta akan dapat memahami strategi pemasaran secara keseluruhan melalui penggunaan internet.

Selain itu katanya, ilmu berkenaan dapat digunakan dalam memasarkan perkhidmatan atau produk yang dikeluarkan oleh para peserta bagi meningkatkan jualan perniagaan yang sedang atau akan dijalankan.

Pihaknya juga mahu anak-anak muda masa kini sentiasa menggunakan kemudahan internet sebagai salah satu medium untuk memasarkan produk-produk yang dihasilkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	BERNAMA	ONLINE	

Young Agropreneur online programme to be conducted nationwide - MAFI



KOTA KINABALU, Aug 16 -- The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will further extend the Young Agropreneur online marketing course nationwide, to help the group market their agricultural and agro food products.

Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said for a start Sabah has been selected as the first state to conduct the course for 50 young agropreneurs today.

He said the online marketing course could be used as a platform to improve and master skills to help agropreneur groups boost their sales and revenue, especially during the COVID-19 pandemic.

"Through online sales, young entrepreneurs could sell their products to a wider market without having to go through middlemen, and this is a good opportunity for them to sell directly to consumers.

"As such, the ministry through FAMA (Federal Agricultural Marketing Authority) is encouraging young entrepreneurs to use the online medium because they are better at accessing and capitalising the Internet for business purposes," he told reporters after officiating the Sabah Young Agropreneur Online Marketing Course here today.

In the meantime, Che Abdullah said the AgroBazaar platform had helped to increase sales of agricultural and agro-based products during the Movement Control Order period and entrepreneurs also view that this marketing approach must be fully utilised.

During the period, sales through AgroBazaar in Sabah recorded a collection of about RM200,000 and participation among entrepreneurs was quite encouraging, he said.

Earlier, Che Abdullah in his speech said, MAFI has allocated RM20 million with the objective to develop a total of 1,200 young agropreneurs this year, adding that under phase one, some 238 applicants have received grant approval valued at RM4.01 million.

-- BERNAMA

17 AUG, 2020

Sabah first to hold Young Agropreneur online course

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Sabah first to hold Young Agropreneur online course

KOTA KINABALU: The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will further extend the Young Agropreneur online marketing course nationwide, to help the group market their agricultural and agro food products.

Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said for a start Sabah had been selected as the first state to conduct the course for 50 young agropreneurs yesterday.

He said the online marketing course could be used as a platform to improve and master skills to help agropreneur groups boost their sales and revenue, especially during the Covid-19 pandemic.

"Through online sales, young entrepreneurs could sell their products to a wider market without having to go through middlemen, and this is a good opportunity for them to sell directly to consumers.

"As such, the ministry through FAMA (Federal Agricultural Marketing



Che Abdullah (front, third right) with participants of the Young Agropreneur Online Marketing Course.-Bernama photo

Authority) is encouraging young entrepreneurs to use the online medium because they are better at accessing and capitalising the Internet for business purposes," he told reporters after officiating the Sabah Young Agropreneur Online Marketing Course here yesterday.

In the meantime, Che Abdullah said the AgroBazaar platform

had helped to increase sales of agricultural and agro-based products during the Movement Control Order period and entrepreneurs also view that this marketing approach must be fully utilised.

During the period, sales through AgroBazaar in Sabah recorded a collection of about RM200,000 and participation

among entrepreneurs was quite encouraging, he said.

Earlier, Che Abdullah in his speech said, MAFI has allocated RM20 million with the objective to develop a total of 1,200 young agropreneurs this year, adding that under phase one, some 238 applicants have received grant approval valued at RM4.01 million. - Bernama



17 AUG, 2020

Sabah first to hold Young Agropreneur online course

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will further extend the Young Agropreneur online marketing course nationwide, to help the group market their agricultural and agro food products. Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said for a s t a r t Sabah had been selected as t h e f i r s t s t a t e to conduct the course for 50 young agropreneurs yesterday.

Nelayan asing serang Maritim mati ditembak

Tembakan dilepas selepas penceroboh bertindak ganas

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Pasir Puteh: Nelayan Vietnam yang menceroboh perairan negara menyerang hendap bot milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), sebelum tembakan dilepaskan menyebabkan seorang daripada mereka maut.

Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Kapten (Maritim) Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, berkata tindakan itu terpaksa diambil bagi menjaga keselamatan nyawa anggota bertugas dan aset negara.

"Tindakan ganas kumpulan nelayan asing itu turut menyebabkan bahagian badan bot Maritim Malaysia mengalami kerosakan. "Ia membuktikan niat mereka mahu menghapuskan anggota bertugas yang kerap menjalankan operasi bagi mengekang aktiviti kecurian hasil laut negara," katanya pada sidang media di Perairan Tok Bali, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Muhd Nur Syam berkata, kejadian berlaku

sewaktu bot Penyelamat 7 mengahmpiri dua bot dimaiki 19 awak-awak Vietnam termasuk seorang melalui Ops Kuda Laut kira-kira 81 batu nautika dari perairan Tok Bali, dekat sini.

Beliau berkata, selain membaling botol berisi petrol dan diesel ke arah anggota dan bot pasukan keselamatan, awak-awak warga asing turut membalang getah yang dinyalakan api dengan niat mahu membakar bot, serta turut mencampak alatan keras seperti besi dan kayu.

"Melihatkan situasi mengancam nyawa, anggota kami melepaskan beberapa das tembakan ke udara, namun mereka masih bertindak ganas dan tembakan dihalakan ke kapal.

"Kejadian tidak ditingi berlalu apabila serpihan tembakan amaran terkena seorang kru nelayan asing itu," katanya ketika ditemui dalam sidang media di Perairan Tok Bali, di sini.

Muhd Nur Syam berkata, kebiasaannya bot nelayan asing terutama bot Vietnam akan mela-



Muhd Nur Syam menunjukkan bot nelayan warga Vietnam yang ditunda di perairan Tok Bali, semalam. (foto BERNAMA)

rikan diri sebaik ternampak bot Maritim Malaysia, namun dua bot berkenaan bertindak sebaliknya.

"Kumpulan nelayan terbabit menyerang bot APMV kerana beranggapan saiz mereka dua kali ganda lebih besar dan mampu menumpaskan bot Maritim Malaysia.

"Kami terpaksa mengejar bot berkenaan selama satu jam dan sebaik rakan terkena tembakan, barulah mereka menyerah kalah. Selain tangkapan, kita turut merampas bot dan hasil laut yang dicuri bernilai RM2 juta membabitkan ikan, udang dan sotong," katanya.

Muhd Nur Syam berkata, pihaknya awal mendapati kedua-dua bot itu tidak memiliki permit menangkap ikan di bawah Akta Perikanan 1985 dari melakukan kesalahan di bawah Akta Imigrasi

1959/63, manakala awak-awak tidak mempunyai pengenalan diri. Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Deputi Komisisioner Shaflien Mamat, mengesahkan kejadian itu dan mayat nelayan warga asing terbabit dibawa ke darat untuk bedah siasat di Hospital Tengku Anis di sini.

"Siasatan awal mendapati anggota Maritim Malaysia sedang menjalankan rondaan di bawah Ops Kuda Laut, menahan sebuah bot nelayan asing warga Vietnam yang menceroboh perairan negara.

"Buat sementara waktu, kes di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksamaan kerana cubaan membunuh dan Seksyen 39(a) Akta Senjata Api 1960 kerana melepaskan tembakan," katanya mengesahkan pihaknya sedang menunggu laporan daripada Maritim Malaysia.

Baling bom petrol

Nelayan Vietnam serang hendap anggota APMM maut ditembak



BOT APMM mengawasi bot nelayan Vietnam yang melakukan serangan hendap ketika dihampiri dekat Perairan Tok Bali, semalam.

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Pasir Putih

Nelayan Vietnam menceroboh perairan negara hingga seorang daripada mereka maut ditembak dilaporkan menyerang hendap anggota Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dengan membaling bom petrol.

Perkara itu didedahkan Pengarah APMM Kelantan, Kapten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob yang berkata, serangan itu dilakukan apabila bot Penyelamat 7 yang melakukan Ops Kuda Laut menghampiri dua bot dinaiki 19 awak-awak termasuk dua tekong bot dari Vietnam itu.

Muhd Nur Syam berkata, kebiasaannya bot nelayan asing terutama dari Vietnam melarikan diri sebaik melihat atau menyedari kehadiran bot APMM.

"Situasi yang berlaku berbeza, mereka (bot Vietnam) membiarkan bot APMM menghampiri bot mereka. Sebaik bot APMM berada

dekat, nelayan Vietnam membaling bom petrol dan diesel ke arah pegawai dan anggota APMM.

"Mereka juga membaling getah dinyalakan api dengan niat mahu membakar bot APMM selain turut melontarkan besi dan kayu," katanya ketika ditemui di sidang media di Perairan Tok Bali di sini, semalam.

Menurutnya, anggota APMM melepaskan beberapa das tembakan amaran ke udara namun kumpulan nelayan Vietnam itu masih bertindak ganas sebelum tembakan dihalakan ke bot berkenaan dan mengenai seorang daripada mereka.

Katanya, nelayan Vietnam itu dipercayai menyerang bot APMM kerana beranggapan jumlah mereka yang lebih ramai mampu menumpaskan pegawai dan anggota APMM bertugas.

Mengulas lanjut, katanya, dua bot Vietnam itu cuba melarikan diri dan APMM mengejar mereka selama satu jam.

"Mereka hanya menyerah kalah sebaik rakan terkena tembakan," katanya.

Katanya, APMM menahan semua suspek pada jarak 81 batu nautika atau 150 kilometer dari muara Tok Bali dan merampas hasil tangkapan yang dicuri di per-

airan negara termasuk bot dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM2 juta.

Tambahnya, tindakan ganas kumpulan nelayan Vietnam itu turut menyebabkan bot APMM rosak di bahagian badan dan cermin.

Muhd Nur Syam berkata, siasatan mendapati kedua-dua bot itu tiada permit menangkap ikan mengikut Akta Perikanan 1985 dan melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 malah semua suspek tidak mempunyai pengenalan diri.

Katanya, bot itu ditunda ke Jeti APMM Tok Bali dan tiba di jeti jam 3.45 petang semalam.



BOT yang ditunda ke Jeti APMM Tok Bali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Nelayan Vietnam lempar bom diesel

18 ditahan, seorang maut ditembak

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tindakan 'liar' dua bot nelayan asing warga Vietnam merempuh dan melemparkan bom diesel ke arah bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) membawa padah apabila kesemua mereka ditahan kelmarin.

Pengarah Maritim Kelantan, Kapten Maritim Muhd. Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, kedegilan 19 nelayan asing itu untuk menyerah diri dengan bertindak agresif telah mengancam keselamatan nyawa anggota serta mencabar kedaulatan undang-undang negara.

Ekoran itu, katanya, anggota penguat kuasa perlu bertindak untuk mempertahankan aset dan keselamatan nyawa dengan melepaskan tembakan amaran ke udara namun tidak diendahkan.

"Dalam kejadian tersebut, tembakan amaran ke udara diberikan namun mereka terus melemparkan beberapa bom diesel serta membaling getah yang dicucuh api ke arah bot Penyelamat 7 supaya terbakar.

"Tidak cukup dengan itu, objek keras juga dilempar bertalutalu ke arah anggota hingga menyebabkan terdapat bahagian bot yang pecah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam insiden itu, salah seorang awak-awak dipercayai terkena tembakan dan kedua-dua bot berjaya ditahan pada jarak lebih kurang 81 batu nautika atau 150 kilometer dari Muara Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan



BOT Maritim Malaysia pecah di bahagian hadapan selepas terkena objek keras yang dilempar oleh nelayan Vietnam kelmarin. - FACEBOOK MARITIM MALAYSIA



BOM diesel yang digunakan nelayan Vietnam.

dalam keadaan laut bergelora.

Muhd. Nur Syam Asmawie berkata, awak-awak yang cedera parah didapati mati di tempat kejadian dan mayatnya dibawa

ke Hospital Tengku Anis di sini untuk tindakan lanjut.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk bot, hasil tangkapan dan diesel dianggarkan bernilai RM2 juta. Kedua-dua bot dan 18 awak-awak ditahan termasuk satu yang mati dibawa masuk ke Jeti Maritim Kelantan.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (A) Akta Perikanan 1985 yang boleh membawa hukuman denda sehingga RM6 juta ke atas tekong dan RM600,000 ke atas awak-awak serta Seksyen 6 (1) (C) Akta Imigresen 1959/1963, yang boleh membawa kepada denda RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya serta boleh dikenakan sebatan tidak lebih daripada enam sebatan," jelasnya.

Bot nelayan Vietnam rempuh bot APMM

Seorang nelayan warga Vietnam maut terkena tembakan anggota APMM

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
dan ADILA SHARINNI WAHID

PASIR PUTEH

Dua bot nelayan warga Vietnam bertindak agresif apabila merempuh dan melemparkan bom ke atas bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan bagi mengelakkan bot mereka diperiksa dalam kejadian jam 3.30 petang kelmarin.

Enggan menyerah diri, 19 nelayan asing itu bertindak ganas dengan melakukan serangan 'ala hendap' sehingga memaksa anggota APMM melepaskan tembakan ke udara sebagai amaran.

Pengarah APMM Kelantan, Kapten Maritim, Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, tindakan itu dilakukan bagi mempertahankan keselamatan nyawa anggota pasukan dan aset kerajaan.

"Kedegilan nelayan asing untuk menghegankan bot mereka dan menyerah diri serta bertindak agresif itu mengancam keselamatan nyawa anggota bertugas serta mencabar kedaulatan undang-undang negara

"Sejurus tembakan amaran di lepaskan, kumpulan nelayan itu terus bertindak melemparkan beberapa bom jenis petrol dan diesel serta membaling getah yang dicu-
cuh api ke arah bot Penyelamat 7



Muhd Nur Syam Asmawie memandangkan bot nelayan warga Vietnam yang telah bertindak menyeraser aset APMM dalam kejadian di perairan yang terletak 81 batu nautika dari muara Tok Bek, Kelantan.

Semantara itu, Ketua Polis Kelantan, Deputy Commissioner Shafien Masmat memaklumkan, pihaknya menerima laporan bertubuh teja-dian terbabit.

Katanya, berdasarkan maklumat awal, APMM menjalankan operasi Kuda Laut di kawasan 81 batu nautika dari Jeti Tok Bek dan bot berkenaan dipercayai menceroboh perairan negara lalu mengarahkannya berhenti.

"Ketika itu berlaku provokasi daripada nelayan warga asing berkenaan menyebabkan pihak berkuasa melepaskan tembakan dan terkena pada badan mangsa.

"Mangsa dikejarkan ke hospital namun disahkan meninggal dunia manakala 12 lagi nelayan asing yang berada di atas bot berkenaan diatiah.

"Dalam melaksanakan penugasan ada garis panduan yang melo-
lekitkan pihak berkuasa untuk melo-
pasikan tembakan tetapi kes ini
masih disiasat. Kita sedang men-
nunggu laporan bertubuh teja-dian
dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen
di sini semalam.

"Keseluruhan rampas termasuk bot, hasil tangkapan dan diesel diing-
garkan bernilai RM2 juta," katanya.

Kes perairan negara diceroboh nelayan asing

16 Mei 2020

APMM Terengganu menguisr keluar 50 bot nelayan Vietnam yang menceroboh perairan Malaysia sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac lalu.

28 Jun 2020

Dua bot nelayan bersama 27 tekong dan awak-awak Vietnam ditahan APMM Terengganu pada jarak 100 hingga 101 batu nautika dari Kuala Terengganu dalam Op Kees Naga di perairan Terengganu.

29 Jun 2020

Limas nelayan warga Indonesia ditahan APMM Sarawak kerana menangkap ikan di perairan negara di 119 batu nautika dari utara Tanjung Srik, Sarikei.

2 Julai 2020

APMM Terengganu menahan dua bot nelayan menunggang bersama 27 nelayan warga negara Vietnam yang membabitkan hasil rampasan bernilai hampir RM2 juta dalam Ops Iman di perairan Terengganu pada jarak 134.6 batu nautika dari Kuala Terengganu.

10 Julai 2020

Seramai 12 nelayan Vietnam termasuk dua remaja berusia 14 dan 15 tahun ditahan APMM Kelantan kerana menceroboh perairan Malaysia di perairan 79.7 batu nautika dari muara Tok Bek.

19 Julai 2020

APMM Terengganu merampas tujuh bot nelayan Vietnam berserta 83 orang termasuk tekong dan awak-awak berusia antara 16 hingga 68 tahun dalam Ops Kuda Laut.

5 Oktober 2020

Seramai 16 nelayan Vietnam bertindak tejut dan berenang sejauh 100 meter sebelum memanjat tangga pelantar menyek dalam usaha melarikan diri bagi mengelak ditahan APMM Terengganu ketika Op Naga Barat dan Op Iman di perairan berhampiran pelantar Begading.

9 Ogos 2020

Kapal Maritim (KM) Tok Bali membebas tekong dan kapal melarikan dua bot nelayan Vietnam kerana menceroboh serta mencuri hasil laut di perairan negara pada jarak 64 batu nautika dan 107 batu nautika dari muara Kuala Terengganu dalam Op Kuda Laut Siti I/2020 di perairan Terengganu.

12 Ogos 2020

APMM Zon Maritim Tanjung Maris menahan tiga nelayan Vietnam di perairan Tanjung Srik dalam operasi Op Naga Timur dan Op Permal di kedudukan 33 batu nautika di utara Tanjung Srik.

18 Ogos 2020

APMM Sabah menahan sebuah bot nelayan bersama 25 nelayan negara Vietnam dan merampas 4 tan ikan pebagai jenis di kedudukan lebih kurang 20 batu nautika dari Pulau Mantanani.

SOUTH CHINA SEA CLASH

Coastguard shoots dead Vietnamese fisherman

KUALA LUMPUR: The Malaysian coastguard shot dead a Vietnamese fisherman whose boat tried to ram a patrol vessel in the South China Sea, an official said yesterday.

The incident took place in Malaysian waters, where local fisherman have complained in the past about Vietnamese fishing boats that damage their nets.

Coastguard chief Vice-Admiral Datuk Mohd Zubil Mat Som told AFP that two Vietnamese fishing boats entered Malaysian waters some 80 nautical miles from Tok Bali, off the northeastern state of Kelantan late on Sunday.

"The coastguard crew had earlier fired warning shots in the air, but after they rammed and threw a bottle of petrol, my men had no choice but to open fire in self defence," he said.

Zubil alleged the Vietnamese crew had thrown petrol and a tyre to try and set fire to the coastguard boat, which was damaged by the "aggressive ramming".



Kelantan Malaysian Maritime Enforcement Agency director Captain Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob pointing to the Vietnamese fishing vessels that were towed off Tok Bali yesterday. BERNAMA P/C

One Vietnamese fisherman suffered gunshot wounds and was pronounced dead after he was brought to shore.

"We are saddened by this deadly incident. But I can guarantee... my men took this action to protect their lives and to protect our national sovereignty," Zubil said. The Vietnamese boats with the remaining 20 crew members were towed to the coastguard jetty.

Parts of the South China Sea are subject to rival claims by Brunei, Malaysia, the Philippines, Taiwan and Vietnam, while China

claims the entire waterway.

Rival claims to the sea, which straddles vital shipping lanes and covers rich fishing grounds, makes it a potential flashpoint for conflict. China and Asean — where four claimants are members of — are in talks for a code of conduct in the area.

While not a claimant, the United States has been sending freedom of navigation patrols in international waters, but China has slammed these as interference in regional affairs.

In February, Putrajaya sought

to secure a deal with Hanoi to end alleged intrusions into Malaysian waters by Vietnamese vessels.

Both boats and fishermen were towed to the Maritime Headquarters in Tok Bali for investigation under Section 15 (1)(a) of the Fisheries Act 1985, which provides a fine of up to RM6 million on the skipper and RM600,000 on each crew member.

"The body of the victim, in his 30s, was sent to Tengku Anis Hospital in Pasir Puteh for an autopsy," said Kelantan Malaysian Maritime Enforcement Agency

director Captain Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob.

He said offenders could also be charged under the Immigration Act 1959/1963, Section 6 (1) (c), which provides a fine of RM10,000 or imprisonment not exceeding five years or both and whipping not more than six times.

He said MMEA would investigate and charge the crew under Section 307 of the Penal Code for attempted murder and Section 186 of the Penal Code for obstructing the duties of civil servants. **Agencies**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pemusnahan babi hapuskan virus Nipah

PORT DICKSON: Menurut buku Protokol Veterinar Malaysia berkaitan penyakit Nipah yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, virus tersebut pertama kali dikesan dalam manusia di negara ini pada Oktober 1997.

Virus Nipah dikaitkan dengan gangguan pada sistem pernafasan babi dan adakalanya melibatkan gangguan sistem saraf dan kematian kepada ternakan tersebut.

Jangkitan boleh berlaku melalui udara yang tercemar melalui titisan pernafasan, sentuhan rembesan dari hidung dan mulut atau tisu daripada babi yang terjangkiti dan ia mudah tersebar antara ternakan tersebut.

Di negara ini, babi dikatakan terjangkiti ekoran memakan buah atau meminum air tercemar dengan air atau kencing keluang atau memakan janin keluang yang gugur. Keluang merupakan haiwan yang menunjukkan sero-positif terhadap virus Nipah.

Nama virus Nipah itu diambil bersempena dengan

Kampung Sungai Nipah, Port Dickson yang menyaksikan lebih 100 orang mati akibat virus tersebut tidak terkecuali di Bukit Pelandok.

Virus tersebut mula dikesan di Perak sebelum penternak di sana menjual babi kepada penternak di Sungai Nipah dan Pelandok.

Dua kawasan ini adalah pusat penternakan babi terbesar di Asia Tenggara dengan dianggarkan terdapat kira-kira sejuta haiwan tersebut di kawasan itu.

Ladang yang terletak berhampiran antara satu sama lain ditambah dengan sistem penternakan babi yang tidak sempurna menyebabkan virus tersebut merebak lebih cepat dan menjangkiti lebih banyak babi.

Kebanyakan daripada mangsa yang meninggal dunia merupakan penternak, pekerja di kandang babi serta ahli keluarga masing-masing.

Mereka mengalami simptom awal iaitu demam yang teruk sebelum membawa kepada radang otak seterusnya meninggal dunia.

Pindah haiwan guna treler

JELI - Padah memindahkan 172 ekor kambing ke dalam treler tanpa kebenaran, seorang pemandu treler didenda RM7,000 oleh Mahkamah Majistret Jeli di sini semalam.

Majistret Mohd Zakiqudin Zulkifli mengenakan denda itu terhadap Mohd Othman Mohd Ghazali, 46, selepas tertuduh mengaku salah atas tuduhan yang dikenakan.

Beliau turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda dan wang tunai hasil jualan ternakan bernilai RM21,000 dilucut hak kepada kerajaan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Othman didakwa memindahkan 172 kambing menggunakan treler jenis Mitsubishi tanpa kebenaran bertulis dan Sijil Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Kelantan atau mana-mana pihak berkuasa.

Kesalahan dilakukan di Kilometer 117 Lebuhraya Ti-

mur Barat, Batu Melintang-Gerik di sini pada jam 8.57 malam, 26 Jun lalu.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Kelantan, Tuan Azak Tuan Muda.

Sementara itu, dalam kes berasingan, seorang lelaki, Ahmad Saufi Abdullah, 30, didenda RM4,000 oleh mahkamah sama selepas mengaku salah mengangkut dua kambing dengan kereta jenis Perodua Bezza tanpa kebenaran bertulis dan Sijil Kesihatan Veterinar dari Pengarah Perkhidmatan Veterinar Kelantan atau mana-mana pihak berkuasa.

Kesalahan dilakukan di Kilometer 95.2 Lebuhraya Timur Barat di sini pada jam 9 malam, 3 Mei lalu.

Tertuduh turut diarahkan menjalani hukuman penjara tiga bulan sekiranya gagal menjelaskan denda, manakala wang hasil jualan ternakan berjumlah RM100 dilucut hak kepada kerajaan.



Ahmad Saufi didenda RM4,000 selepas mengaku salah di Mahkamah Majistret Jeli semalam.



17 AUG, 2020

Usahawan kopi Tokkikiter berhasrat wujudkan pusat sehenti kopi

Utusan Sarawak, Malaysia

KEPELBAGAIAN KOPI...
 Biji kopi yang diadun bersama karamel serta mentega.



Usahawan kopi Tokkikiter berhasrat wujudkan pusat sehenti kopi

MARANG: Usahawan kopi Tokkikiter, Humairah Mohd Nasir berhasrat mewujudkan pusat sehenti kopi yang dilengkapi ladang, pusat pemrosesan, pusat jualan dan kafe pada masa akan datang.

Beliau berkata, ia bagi membolehkan pengunjung mempelajari proses pembuatan kopi di samping menikmati kopi yang dihasilkan syarikat itu.

Menurut Humaira, beliau dan suaminya, Mohd Mustakim Mohd Kasturi yang sebelum itu sama-sama terlibat dalam dunia penyelidikan bioteknologi selama 10 tahun, mula mengambil alih perusahaan kopi itu daripada datuknya, Seman Ibrahim pada 2016.

Perusahaan membuat kopi itu dimulakan oleh datuknya sejak awal 80-an, sebelum melalui proses pembaharuan



USAHAWAN KOPI TOKKIKITER ... Usahawan kopi Tokkikiter, Humairah Mohd Nasir (kanan) dan suami Mohd Mustakim Mohd Kasturi menunjukkan produk kopi Tokkikiter di Kampung Bukit Gasing. • Foto BERNAMA

dan penambahbaikan bagi menyesuaikan produk kopi yang ada mengikut selera masyarakat dan kehendak pasaran.

"Semua kerja daripada membeli biji kopi, pemrosesan dan promosi kami lakukan sendiri, dibantu oleh emak, ayah dan

adik-beradik lain.

"Walaupun penat, itulah usaha serta pengorbanan yang perlu kami lalui untuk menaikkan nama kopi Tokkikiter di pasaran hari ini," katanya ketika ditemui di kilang kopi Tokkikiter di Kampung Bukit Gasing, di sini, baru-baru ini.

Katanya, antara cabaran paling getir adalah mendapatkan modal bagi mengusahakan perniagaan dalam skala lebih besar.

"Selain usaha keras kami, kejayaan kami hari ini adalah hasil sokongan agen-



PRODUK KOPI TOKKIKITER... Produk kopi jenama Tokkikiter yang diusahakan oleh Humairah Mohd Nasir dan suami Mohd Mustakim Mohd Kasturi.

si kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang memberi bantuan mesin dan sebagainya," kata graduan ijazah sarjana dalam bidang bioteknologi itu.

Menurut Humaira, kerja keras mereka selama empat tahun semakin membuahkan hasil apabila berupaya mencapai kadar pengeluaran kopi sebanyak 150 kilogram sebulan termasuk

yang dipasarkan dalam bentuk biji kopi, serbuk dan uncang.

Jenama kopi Tokkikiter yang dahulunya hanya boleh didapati di pasaraya sekitar Kuala Terengganu dan kedai runcit kini boleh didapati di pusat beli-belah Malakat Mall di Cyberjaya, Selangor yang menghimpunkan 100 peratus usahawan Muslim untuk berniaga di bawah satu bumbung. — Bernama



PROSES MENYEJUKKAN KOPI... Mohd Mustakim Mohd Kasturi (tengah) melakukan proses menyejukan kopi yang telah diadun dengan bahan seperti karamel dan mentega sebelum dikisar menjadi halus.

PROSES MEMBUNGKUS

... Usahawan kopi Tokkikiter, Humairah Mohd Nasir melakukan proses membungkus kopi sebelum dihantar kepada pelanggan.



PROSES MEMBUNGKUS ... Mohd Mustakim Mohd Kasturi memasukkan kopi yang telah dikisar ke dalam mesin untuk proses membungkus kopi ke dalam bentuk uncang.

KEPELBAGAIAN KOPI ... Mohd Mustakim Mohd Kasturi memasukkan biji kopi ke dalam bekas untuk diadun bersama karamel serta mentega.



17 AUG, 2020

Usahawan kopi Tokkikiter berhasrat wujudkan pusat sehenti kopi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KEPELBAGAIAN KOPI... Biji kopi yang diadun bersama karamel serta mentega.

MARANG: Usahawan kopi Tokkikiter, Humairah Mohd Nasir berhasrat mewujudkan pusat sehenti kopi yang dilengkapi ladang, pusat pemprosesan, pusat jualan dan kafe pada masa akan datang. Beliau berkata, ia bagi membolehkan pengunjung mempelajari proses pembuatan kopi di samping menikmati kopi yang dihasilkan syarikat itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2020	BERNAMA NEWS CHANNEL	ONLINE	

(JPM FAMA) THE STORY BEHIND TOKKIKITER



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	NEW SABAH TIMES	ONLINE	

What's the story behind Tokkikiter?

MARANG: Yes, what's the story behind 'Tokkikiter' if you don't already know and rather makes you want to say 'Tik Tok'?

Well, it is simply about local coffee.

There is this husband and wife in Terengganu who once aspired to become higher learning institute lecturers after acquiring their Master's Degree in Biotechnology at their local University Malaysia Terengganu (UMT) in 2010.

After graduating, Humairah Mohd Nasir, 34, worked for a number of years as research assistant to a UMT lecturer, specifically to detect chemical compounds that contain antibacterial properties, for commercialisation in pharmaceuticals.

Her husband Mohd Mustakim Mohd Kasturi, 35, similarly worked as a research assistant with the scope of his study on protein in the blood of horseshoe crabs that in layman's term, could potentially detect bacteria such as in food and on medical devices.

No lecturer jobs came their way.

Committed to the same field for years with diminishing hopes of ever achieving their ambition, the couple began seriously exploring the potential of traditional coffee production as the next best thing, seeing that local coffee brew seemed to be gaining much attention from enthusiasts.

According to Humairah, her grandfather Seman Ibrahim, 84, had been involved in the local coffee trade since the early 80s, and she managed to learn the ropes of the business, from coffee production to packaging.

"My husband and I took over the factory from my grandfather in 2016. Bit by bit, we refined the coffee taste to cater to market preference," she said when met at their Tokkikiter premises in Kampung Bukit Gasing here.

She said their major challenges initially were on getting financing upon deciding to expand the business on a much greater scale, and the fact that her husband who was still working then, had to divide his time between the laboratory and the coffee workshop, staying at the latter until 2 am to 3 am.

“We do all the work ourselves, from buying the coffee beans to processing and promoting, with some help from my parents and siblings.

“Although it’s tiring, we had to make the effort and sacrifice to promote Tokkiter to the market,” said the mother of two.

Nevertheless, she said after almost four years of hard work, their efforts have begun to bear fruit with 150 kg being marketed monthly in coffee beans, powder and sachets.

“Previously our market was confined to Kuala Terengganu but now Tokkiter is also available at the first Islamic concept shopping centre in Malaysia, that is, Malakat Mall in Cyberjaya, Selangor,” she said.

Aside from the toiling, the couple attributed their success to the support extended by government agencies such as Agriculture Department and FAMA through providing assistance in the form of machinery and so on.

“For our future plans, we aim to set up a one-stop centre that contains a coffee farm, processing plant, sales outlet and cafe for visitors to enjoy and learn about coffee at the same time,” Humairah added. –
Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG	25

500kg daun limau purut kering Thailand dirampas

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 500 kilogram (kg) daun limau purut kering yang dibawa masuk dari Thailand tanpa permit import.

Rampasan bernilai RM18,569 itu dibuat ketika pemeriksaan dilakukan ke atas sebuah kontena di tapak pemeriksaan Gudang Zon Bebas Dermaga Air Dalam, Butterworth pada jam 4.16 petang Jumaat lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, kesemua dagangan tersebut telah disita untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

“Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau keduanya. Kes masih dalam siasatan,” katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Tambahnya, pihaknya sentiasa bersedia untuk melakukan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan hasil pertanian dan komoditi haiwan mematuhi syarat dan peraturan untuk jaminan keselamatan kesihatan.



Anggota Maqis Pulau Pinang menunjukkan daun limau purut kering yang dirampas.

Tanah diusahakan didakwa akan diambil alih jadi lokasi perlombongan 23 petani hilang punca rezeki

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR – Kira-kira 23 petani dan penternak yang mengusahakan tanah seluas 72.8 hektar di Taman Pengeluaran Kekal Makanan di Bestari Jaya di sini buntu memikirkan nasib mereka apabila diminta keluar dari lokasi yang diusahakan lebih 20 tahun.

Lebib merunsingkan kesemua mereka bakal hilang mata pencarian apabila tidak ditawarkan lokasi baharu atau sebarang pampasan kerugian hasil tanaman dan penternakan yang diusahakan selama ini.

Biar pun menyedari tanah yang diusahakan adalah tanah pajakan, namun kesemua petani dan penternak berkenaan berharap kerajaan negeri dapat memberi tapak baru buat mereka.

Seorang petani, Ibrahim Masan, 58, mendakwa, mereka mendapat surat daripada anak syarikat kerajaan negeri, mengenai pengambilalihan tanah berkenaan untuk dijadikan lokasi pertombongan bulan lalu.

Dakwanya, kesemua mereka yang mengusahakan tanah berkenaan diminta keluar dalam tempoh dua tahun lagi.

Bercerita lanjut, Ibrahim berkata, dia mengusahakan tanah seluas 2.4 hektar di taman tersebut dengan menanam timun, terung, pisang dan nangka hasil bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor bermula 2010.

"Pendapatan bersih yang diperolehi RM3,000 sebulan untuk menyara isteri dan 11 anak berusia 6 hingga 3 tahun.

"Sekiranya, tanah ini diambil untuk perlombongan bagaimana nasib kami sekeluarga. Saya tidak mahu menjadi asnaf," ka-



AMIR (kiri) melihat hasil tanaman yang diusahakannya di Bestari Jaya, Kuala Selangor semalam.



MOHD. FADZIL

tanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Bagi peneroka asal kawasan tersebut, Mohd. Fadzil Ibrahim,

67, dia mendapat tawaran mengusahakan tanah berkenaan pada tahun 1999 dan tempoh pajakan berakhir pada 2040.

Mohd. Fadzil yang merupakan bekas pelukis pelan itu mempunyai 200 kolam ternakan ikan seperti talapia, patin dan keli di tapak seluas empat hektar.

Katanya, setakat ini dia telah mengeluarkan perbelanjaan untuk projek ternakannya berjumlah jutaan ringgit menggunakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan hasil menjual rumah serta tanah.

"Kami kesal apabila tiada sebarang pampasan diberikan malah tiada tapak ganti untuk kami usahakan bagi mata pen-

carian keluarga.

"Malah mereka juga mula menekan dengan mengenakan sewa bulanan sebanyak RM150 bagi setiap 0.4 hektar berbanding sebelum ini RM100 sebulan," jelasanya.

Sementara itu, Amir Ali, 40, menegaskan, dia dan rakan-rakannya pelik apabila Taman Pengeluaran Makanan Kekal Bestari Jaya yang pernah diiktiraf menjadi hab pengeluaran hasil tan kedua terbesar negara sebelum ini akan dijadikan lokasi perlombongan.

"Apa nasib kami selepas ini, mohon kerajaan negeri atau pihak bertanggungjawab dapat membantu petani dan penternak di sini," jelasnya.



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.99
• Daging Lembu Tempatan	32
• Daging Lembu Import	20
• Tekur Gred A (30 biji)	7.99
• Ikan Kembung	6.99
• Miriyak Masak	5.20
• Gula Pasir	2.90
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	3.20
• Cili Merah	6.90
• Kubis Tempatan	1.69
• Tepung Gandum	2.73

Sumber: KPDNHEP

Maqis rampas 500 kg daun limau purut dari Thailand

SEBERANG PERAI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 500 kilogram (kg) daun limau purut kering yang diperdagang diimport tanpa permit selepas melancarkan pemeriksaan di gudang Zon Bebas Dermaga Air Dalam, Butterworth di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, produk pertanian yang dianggarkan bernilai RM18,569 itu ditemui semasa pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari Thailand kira-kira pukul 4.20 petang.

"Hasil pemeriksaan, kita mendapati barang dagangan tersebut diimport tanpa dokumen Permit Import yang sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

"Kesemua daun limau purut kering seberat 500 kg di dalam 100 kotak tersebut telah disita untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Belau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, sabit kesalahan pemilik barangan dagangan berkenaan boleh dihukum denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum enam (6) tahun atau kedua-duanya sekali.

Rampas pakaian tiruan RM130,000

SEREMBAN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan merampas lebih 5,000 helai pakaian berjenama tiruan bernilai RM130,000 dalam serbuan di Nilai, Khamis lalu.

Pengarahnya, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, operasi ke atas sebuah lot kedai yang dijadikan pusat jualan barang tiruan secara borong itu adalah hasil risikan selama dua minggu yang dijalankan pihaknya.

Ujarnya, operasi tersebut melibatkan enam pegawai pe-

nguat kuasa KPDNHEP dan turut disertai wakil pemilik cap dagang.

"Lebih 5,000 helai pakaian berjenama bernilai RM130,000 yang menggunakan perhal dagangan palsu telah dirampas.

"Premis milik lelaki tempatan itu juga dipercayai menyimpan kasut dan selipar berjenama tiruan bagi tujuan jualan secara borong kepada peniaga runcit di sekitar negeri ini," katanya di sini semalam.

Kes itu disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hakcipta 1987.



PENGUAT kuasa KPDNHEP sedang memeriksa barangan yang dirampas dalam serbuan di Nilai, Khamis lalu.

18/8/2020

UTUSAN

DALAM

9

MALAYSIA

NEGERI

Jangan halau kami! - Peneroka

KUALA SELANGOR: "Tolong jangan halau kami".

Demikian rintihan 23 peneroka terdiri daripada petani dan penternak di Taman Pengeluaran Kekal Makanan di Bestari Jaya di sini yang mendakwa bakal diusir dalam tempoh dua tahun akibat pengambil alihan kawasan itu.

Pengusiran itu didakwa berikutan anak syarikat kerajaan Selangor yang telah diberikan kuasa untuk menjadikan kawasan seluas 72.8 hektar itu sebagai lokasi perlombongan.

Peneroka asal kawasan itu, Mohd. Fadzil Ibrahim, 67, mendakwa, dia menerima tawaran untuk mengusahakan temakan ikan air tawar daripada kerajaan negeri pada 1999:

"Berdasarkan kontrak, saya diberikan kebenaran untuk mengusahakan dalam tempoh 49 tahun iaitu sehingga 2040.

"Namun, saya pelik apabila dimaklumkan pihak yang dilantik anak syarikat kerajaan negeri supaya membayar sewaan bulanan berjumlah RM150 bagi setiap 0.4 hektar berbanding sebelum ini RM100," katanya

punya 200 kolam temakan ikan di tapak seluas empat hektar itu.

Dalam pada itu, pengusaha buah dan sayuran, Ibrahim Massan, 58, yang juga asnaf mendakwa, dia mengusahakan tanah seluas 2.4 hektar di kawasan tersebut dengan sokongan dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 2010.

"Sejak 10 tahun lalu, saya memperoleh hasil pendapatan bersih mencecah RM3,000 sebulan.

"Jika tanah itu digunakan untuk perlombongan, sudah pasti menjejaskan mata pencarian kami sekeluarga," kata bapa kepada 11 anak itu.

Bagi pengusaha sayur, Amir Ali, 40, pula, Taman Pengeluaran Makanan Kekal Bestari Jaya itu pernah menjadi lokasi pengeluaran hasil tani kedua terbesar negara sebelum ini.

"Saya sememangnya pelik apabila kawasan tersebut mahu dijadikan sebagai lokasi perlombongan.

"Selain itu, pihak berwajib yang menguruskan kawasan ini tiba-tiba 'keluar' tanpa pengetahuan kami sehingga mengakibatkan status tanah tergantung," dakwanya.



MOHD. FADZIL (dua kiri) bersama Ibrahim (kiri sekali) dan Amar (kanan sekali) menunjukkan dokumen berhubung tawaran mengusahakan kawasan itu. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

ketika ditemui di sini, semalam.

Ujar bekas pelukis pelan itu, dia telah membelanjakan wang berjumlah RM2.5 juta termasuk menggunakan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selain menjual rumah dan tanah.

"Sekiranya saya dan semua

pengusaha lain dihalau kelak, bagaimana dengan nasib dan mata pencarian rezeki kami kelak.

"Kami turut kesal tiada sebarang pampasan diberikan sekiranya 'dihalau' daripada kawasan ini," katanya yang mem-



BONYAMIN melihat lada solok yang siap dibungkus dalam plastik untuk memenuhi permintaan pemborong di Limau Kasturi, Gua Musang semalam.

Lada solok Bonyamin laris

GUA MUSANG – Seorang petani di Kampung Limau Kasturi di sini mampu meraih pendapatan yang lumayan apabila permintaan terhadap lada solok jenis Faming Sari yang diusahakan meningkat sekali ganda selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bonyamin Mat Noh, 52, yang mengusahakan tanaman itu sejak setahun lalu mengakui dia dan ahli keluarga tidak menangan mengutip hasil tanaman bagi memenuhi permintaan pasaran di negeri ini.

Menurut Bonyamin, selepas tamat pelaksanaan PKP baru-baru ini, dia berjaya memetik lebih 500 kilogram lada solok

setiap minggu bagi memenuhi permintaan pemborong di Pusat Transfomasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu.

Katanya, sebanyak 1,300 pokok lada solok yang ditanam di kawasan seluas satu hektar menggunakan teknik fertigasi itu memerlukan penjagaan yang teliti.

"Alhamdulillah, tanaman lada solok yang diusahakan selama ini memberi pulangan menguntungkan untuk keluarga.

"Lada solok saya tetap mendapat permintaan tinggi meskipun perlu bersaing dengan kemasukan tanaman itu dari negara jiran," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Menurut Bonyamin, dia menjual lada solok itu pada harga RM45 setiap lima kilogram.

Katanya, pasaran lada itu juga pernah mencecah RM100 bagi setiap beg plastik itu.

"Tanaman lada solok ini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada ahli keluarga sendiri, malah ia juga membuka ruang kepada penduduk kampung.

"Saya mempunyai perancangan untuk membuka tanah baharu bagi membesarkan lagi kebun lada ini pada masa hadapan.

"Ia bagi menjadikan perusa-haan tanaman ini boleh terus berkembang dan menembusi pasaran luar seluruh negara," katanya.